JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)
TAHUN 2021

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2021 bagi mengikuti pengajian di peringkat **Sarjana (Penyelidikan) atau Doktor Falsafah (Ph.D)** dalam bidang **Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-undang atau Kewangan Islam** di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh pihak JPA mengikut bidang pengajian.

Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian (online) melalui portal **http://esilav2.jpa.gov.my** mulai **jam 5.00 petang, 15 Mac 2021 (Isnin)**. Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 9 April 2021 (Jumaat)** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Maklumat terperinci mengenai BYDPA Tahun 2021 boleh dirujuk pada dokumen seperti di lampiran berikut:

LAMPIRAN A	:	Syarat-Syarat Permohonan BYDPA Tahun 2021
LAMPIRAN B	:	Panduan Permohonan BYDPA Tahun 2021
LAMPIRAN C	:	Senarai Institusi Pengajian Tinggi Tempatan mengikut Bidang Pengajian
LAMPIRAN D	:	Senarai Universiti Terkemuka Dunia mengikut Bidang Pengajian
LAMPIRAN E	:	Senarai Perincian Bidang Sains dan Teknologi
LAMPIRAN F	:	Panduan Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan bagi Permohonan BYDPA Tahun 2021

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai BYDPA Tahun 2021 boleh hubungi talian **03 – 8885 3879 / 3569** pada setiap hari bekerja (9.00 pagi – 5.00 petang) atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my

Jabatan Perkhidmatan Awam
15 Mac 2021